

Praktis 13: Imbuhan *mempeR-*, *mempeR...i*, dan *mempeR...kan*

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan tatabahasa. Garisi kesalahan tersebut dan tulis jawapannya pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Guman memperhatikan anaknya memperkemaskan susunan pingat-pingat yang disimpan di dalam almari.

- (ii) Kamu perlu memperkukuhkan pengetahuan agar memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.

- (iii) Beliau menperingati pihak Jabatan Saliran agar memperdalam beberapa batang sungai untuk mengelakkan banjir.

- (iv) Pihak sekolah akan memperketat peraturan sekolah dan mempergiatkan usaha untuk meningkatkan disiplin para pelajar.

- (v) Penyanyi itu memperdengarkan tiga buah lagu dalam majlis tersebut sementara kumpulan tarian itu mempersembah tarian zapin.

Praktis 14: Imbuhan *dipeR*, *dipeR...i*, dan *dipeR...kan*

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan tatabahasa. Garisi kesalahan tersebut dan tulis jawapannya pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) "Lesen memandu ini perlu diperbaharu kerana telah tamat tempoh sahnya," kata anggota polis trafik itu.

- (ii) Jalan raya yang berliku-liku dan berbahaya itu akan diperluruskan dan diperlebar.

- (iii) Keputusan yang telah dipersetujui dalam mesyuarat tersebut perlu dipertimbang semula kerana terdapat percanggahan pendapat daripada anggotanya.

- (iv) Hari Kemerdekaan yang diperjuangkan oleh pemimpin terdahulu perlu diingati dan dihargai oleh setiap warganegara Malaysia.

- (v) Setelah diperinci barulah usul itu diketengahkan dalam mesyuarat agung kelak.

- (vi) Cadangan pelaksanaan GST akan dibahaskan sebelum diluluskan di Parlimen.
